

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD**  
**HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**  
**TARIKH : 7 APRIL 2015**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membuat promosi khusus dalam memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) melaksanakan pelbagai inisiatif dan perancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu hub pelancongan kesihatan yang menyediakan khidmat penjagaan kesihatan terunggul di persada antarabangsa. Pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran yang rancak dijalankan di negara-negara sasaran seperti Indonesia, China, Hong Kong, Jepun, Bangladesh, Myanmar, Kemboja, Vietnam, Oman, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom, Kazakhstan dan Australia.

Salah satu pendekatan yang dilaksanakan adalah menjalinkan perhubungan dan persepakatan dengan pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara serta pihak Kerajaan dan swasta di negara sasaran. Ini meliputi Kedutaan Malaysia, Tourism Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), agensi pelancongan dan pengembaraan, fasilitator-fasilitator pelancongan kesihatan, agensi insurans, institusi kewangan dan hospital-hospital negara sasaran.

Untuk memperluaskan kesedaran mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia, MHTC juga menyertai pameran antarabangsa di negara-negara sasaran, menyampaikan taklimat dan pembentangan di persidangan antarabangsa, serta menganjurkan pameran untuk pasaran pengguna dan sesi rangkaian perhubungan (*networking session*) untuk mempromosikan pelancongan kesihatan kepada pihak-pihak berkepentingan.

MHTC juga turut menganjurkan Lawatan Pengenalan (*Familiarisation Visit*) untuk pihak-pihak berkepentingan luar negara yang berpotensi untuk menjalinkan hubungan perniagaan. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan serta mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di samping menyediakan wadah perhubungan di antara pihak berkepentingan dan pihak hospital yang berdaftar di bawah MHTC untuk mempromosikan pelancongan kesihatan. Kempen perhubungan awam dan publisiti melalui media massa antarabangsa juga dilaksanakan sebagai usaha untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selain daripada strategi promosi dan pemasaran, MHTC juga memudahkan ketersediaan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia melalui laman sesawang (*web portal*) yang interaktif, perkhidmatan pusat panggilan (*call centre*), perkhidmatan pusat maklumat (Medical Concierge & Lounge) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.